

16/04/1997

PM adakan rumah terbuka

ALOR SETAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidiladha di Dewan Jitra, dekat sini, Jumaat ini.

Menurut wakil peribadi Dr Mahathir di Kubang Pasu, Saad Hashim, Perdana Menteri akan menerima kunjungan tetamu dari 10.30 pagi hingga 4 petang kecuali dari 1 tengah hari hingga 3 petang untuk menunaikan solat Jumaat.

Perdana Menteri dijadual tiba di Alor Setar Khamis ini untuk menyerahkan lembu korban di Masjid Pekan Changlun dan Ibu pejabat Polis Daerah Kubang Pasu di Jitra, sebelum pulang ke kediamannya, Pondok Maharizan, di Titi Gajah untuk menyerahkan lembu korban untuk Masjid Titi Gajah dan sebuah masjid di Pendang.

Esoknya, Dr Mahathir akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir dan menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, sebelum mengadakan rumah terbuka di Jitra. - Bernama

(END)